

18/7/2019 SH M/S 38
**Bot dirampas, tiga nelayan
asing ditahan**

GEORGETOWN - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan Kelas C kerana melanggar syarat sah lesen.

Pengarahnya, Kep-ten Maritim Hamizan Harun berkata, bot tersebut ditahan dalam Operasi Pertiw di kedudukan 1.4 batu nautika dari utara pada jam 3.45 pagi semalam.

Menurutnya, selain bot, turut ditahan seorang tekong berusia 50

tahun dan dua awak-awak berusia 52 tahun yang kesemuanya merupakan warganegara Thailand.

"Kita turut menyita satu gulung pukat tunda, dua besi tunda dan hasil tangkapan kira-kira 1,500 kilogram ikan campur.

"Semua tangkapan dan sitaan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Batu Uban untuk siasatan dan tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media semalam.



Bot kelas C ditahan kerana dipercayai menangkap ikan di kawasan larangan.